

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR  
(KULIM BANDAR BAHARU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.05.2015**

**Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [ KULIM BANDAR BAHARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tujuan utama SRC International ditubuhkan, jenis pelaburan yang disertai oleh SRC International dan daripada manakah syarikat ini mendapatkan modal pelaburan. Jika syarikat ini sudah dijual kepada Menteri Kewangan (Diperbadankan), nyatakan bilakah tarikh ianya dijual dan harga ianya dijual serta projek yang sedang dan akan dijalankan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

SRC International Sdn Bhd (SRC) merupakan syarikat yang ditubuhkan untuk mengendalikan beberapa projek strategik. SRC dikendalikan sebagai sebuah syarikat strategik jangka panjang (*strategic long-term*) yang akan mengimplementasikan projek-projek strategik yang akan melipat gandakan keupayaan negara dalam menjana pertumbuhan jangka panjang yang berkekalan.

SRC melabur di dalam sektor sumber asli seperti batu-bara, gas dan lain-lain. SRC memperoleh modal pelaburan melalui pinjaman daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan). Mekanisme pindah milik dari 1MDB ke Menteri Kewangan (Diperbadankan) adalah melalui '*dividen in specie*' yang telah dilakukan oleh 1MDB dengan membayar dividen kepada MOF dalam bentuk pegangan 100% saham ekuiti SRC pada 14 Februari 2012.

Pada masa ini, SRC di dalam proses menilai beberapa projek strategik dan akan membuat pengumuman mengenainya dalam masa terdekat.